

PERBANDINGAN PERLAKSANAAN KONSEP RAHMATAN LIL ALAMIN BERDASARKAN AL-QURAN DAN HADITH DI ANTARA KEMENTERIAN AGAMA MALAYSIA DAN NAHDHATUL ULAMA INDONESIA

Muhammad Syaqiq¹

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Sultan Azlan Shah,
Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

E-mail: alazdisyaqiq@gmail.com

Abstrak

Peningkatan pergaduhan antara agama di Malaysia terutamanya di media sosial agak membimbangkan. Pendekatan rahmatan lil alamin sebagai suatu alternatif toleransi beragama sewajarnya boleh menyelesaikan isu yang timbul. Namun, konsep ini sukar diterapkan sekiranya kurangnya kefahaman tentang konsep sebenar rahmatan lil alamin. Justeru, kajian ini dilakukan bagi memfokuskan keutamaan masalah menjaga agama Islam atau tauhid yang mendahului masalah-masalah lain. Maka, pengkaji meneliti pengaplikasian toleransi beragama oleh Nahdhatul Ulama Indonesia yang dipilih kerana dianggap model toleransi beragama di nusantara berdasarkan sejarah dan latar belakangnya yang menyatukan masyarakat pelbagai kaum di Indonesia. Perbezaan dilakukan dengan Kementerian Agama Malaysia supaya boleh dijadikan penambahbaikan konsep ini bagi menjaga masalah agama Islam di Malaysia. Hasil kajian mendapati prinsip utama dalam nahdhatul ulama' ialah tawassuth (jalan pertengahan) dan i'tidal (jalan yang lurus). Berpaksikan konsep inilah persatuan ini menjalankan aktiviti toleransi beragama.

Kata Kunci: rahmatan lil alamin; Nahdhatul Ulama; toleransi beragama; LGBT; Kementerian Agama Malaysia; al-Quran; Hadith

1.0 Pengenalan

Secara etimologi, terma rahmah terdiri dari huruf ر - ح - م yang terangkai dalam pola رَحِمٌ يُرْحَمُ (Ibn Zakariyya, 2009). Secara umumnya, kata rahmah dengan berbagai terbitannya yang berjumlah 327 kata dalam al-Qur'an disampaikan dalam bentuk: fi'l mâdhi (kata kerja masa lalu) sebanyak 8 kali; fi'il mudhâri' (kata kerja yang akan atau sedang dikerjakan) terulang 15 kali; fi'il amr (kata kerja perintah) diulang 5 kali; isim fa'il terulang 113 kali; isim tafdil sebanyak 13 kali, dan bentuk masdar (rahmah sendiri) diulang sebutannya dalam al-Qur'an

¹ Pelajar sarjana muda Usuluddin (Hadis) di Universiti Sultan Azlan Shah

sebanyak 173 kali. (Ad-Damghani, 1983). Melalui kajian-kajian komprehensif yang lepas terhadap ayat-ayat yang dimaksudkan, dapat diketahui mengenai empat sasaran rahmah iaitu: mu'minin (orang beriman), muhsinin (orang-orang yang baik), yuqinun (orang-orang yang yakin), dan 'alamin (semesta alam) (Hidayatullah, 2019). Menurut Quraish Shihab, makna rahmah di dalam al-Qur'an, tidak sekadar membawa maksud kebahagiaan di akhirat (syurga) bahkan juga kebaikan di dunia yakni berupa anugerah, hidayah, rezeki, dan perlindungan (Shihab, 2017).

Di dalam al-Quran, hanya satu ayat sahaja yang menasaskan sifat rahmah kepada 'alamin (semesta alam) iaitu dalam Surah Anbiya' ayat 107, Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman: "Dan kami tidak mengutus kamu (Muhammad) melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam". Dalam mentafsirkan ayat ini, Imam At-Tabari telah mengemukakan perselisihan ulamak tentang topik perbincangan iaitu: "Adakah sifat rahmah ini untuk orang Islam sahaja atau mencakupi bukan Islam?" (At-Tabari, 2001). Jika mencakupi bukan Islam, maka apakah bentuk rahmah yang patut diberikan bagi mereka? Dalam mentafsirkan ayat ini, Ibnu Abbas, tokoh ulama' dalam kalangan mufassirin (pentafsir al-Quran) menekankan bahawasanya yang dimaksudkan dengan rahmah ke atas seseorang itu adalah sekiranya dia beriman kepada Allah dan Rasul sepertimana yang dipetik dalam kitab Tafsir At-Tabari: "Daripada Ibn Abbas bahawa dia mengatakan sesuatu berkenaan ayat (dan tidak kami utuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan sebagai rahmat buat sekalian alam), (Ibn Abbas) berkata: Sesiapa yang beriman kepada Allah dan Rasul, maka akan ditulis ke atasnya rahmah (dia akan mendapat rahmah), dan sekiranya dia tidak beriman, dia akan terselamat (ditanggihkan) dari apa yang telah ditimpakan terhadap umat terdahulu daripada bencana" (At-Tabari, 2001).

Dapat disimpulkan dari pandangan Ibnu Abbas ialah, keimanan merupakan suatu rahmah yang paling besar yang dikurniakan Allah kepada hamba-hambanya melebihi kurniaan yang lain. Maka, konsep rahmatan lil alamin sewajarnya terbina atas dasar pembangunan dan pemeliharaan iman. Manakala, jika seseorang itu tidak beriman semasa kehidupannya, maka penangguhan azab di dunia itu merupakan suatu bentuk rahmat baginya (Azmi & Ismail, 2018). Oleh itu, Rasulullah Shallallahu Alaihi Wasallam telah mencerminkan keperibadiannya melalui sifat toleransi yang ditujukan kepada golongan bukan Islam berdasarkan pelbagai peristiwa dalam kehidupan baginda. Kerana itulah, baginda bersabda: "Barangsiapa yang membunuh seorang kafir mu'ahid (yang mempunyai perjanjian keamanan dengan Muslim) maka Allah mengharamkan buat dirinya syurga" (Abu Daud, 2009). Rasulullah juga sering berlaku baik dengan mereka. Perkara ini sewajarnya difahami sebagai prinsip asas seorang Muslim untuk bergaul dengan non-Muslim. Misalnya, ketika Asma didatangi oleh ibunya yang masih kafir, Rasulullah menasihati Asma supaya melayaninya dengan baik (al-Bukhari, 2002). Selain itu, ketika delegasi penganut Kristian dari Najran datang ingin berdialog dengan Rasulullah, mereka dilayan dengan hormat oleh Baginda (Al-Jauziy, 1998).

Walau bagaimanapun, ketegasan Rasulullah juga merupakan salah satu bentuk rahmah. Hal ini dinyatakan baginda sewaktu Abu Jahal memberi ancaman keras kepada orang Quraisy supaya memusuhi baginda. Lalu Baginda bersumpah akan memerangi mereka, menyalib mereka, dan memberi hidayah kepada mereka sekalipun mereka dalam keadaan yang

membenci kerana baginda adalah rahmah yang diutuskan oleh Allah, dan Allah tidak akan mematikan baginda sehinggalah Allah memenangkan agamaNya (Kathir, 1419H). Dr. Khairul Azhar Meerangani menerangkan bahawa warga bukan Muslim ditegah sama sekali daripada melakukan perkara yang boleh mengguris sensitiviti umat Islam seperti hasutan, provokasi keagamaan, pencabaran hak serta penzahiran syiar agama mereka dalam kalangan umat Islam (Meerangani, 2016). Manakala, dalam suatu pandangan lain, Dr. Luqman Hj Abdullah menyatakan bahawa para fuqaha juga membincangkan agar ditampakkan perbezaan orang Islam dengan kafir zimmi dari sudut pakaian, kenderaan dan tempat tinggal demi menjaga orang Islam dari ditipu dan diperdayakan oleh mereka (Abdullah, 2009).Justeru, prinsip rahmah ini perlu difahami bahawa ia terbina atas dasar keimanan.

Apabila golongan bukan Islam telah mula berani untuk mengganggu sensitiviti umat Islam, maka rahmah ketika itu ialah mencegah penghinaan ke atas umat Islam. Melalui cara ini, maka prinsip ini dapat diletakkan di tempat yang sepatutnya. Agama Islam merupakan agama yang mencakupi segala aspek dalam kehidupan. Bermula dari niat di dalam hati hinggalah tatacara pergaulan sesama manusia, semuanya telah termaktub dalam ajaran agama. Islam sememangnya mementingkan konsep Rahmatan Lil 'Alamin (Rahmah bagi sekalian alam). Konsep rahmah ini telah dibincangkan oleh ulamak semenjak dahulu lagi. Kini, perbincangan tentang konsep ini menjadi semakin meluas terutamanya dalam negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum dan agama. Di dalam al-Quran, surah al-Anbiya' ayat 107, Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman : "Dan kami tidak mengutus kamu (Muhammad) melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam". Ayat ini secara tekstualnya menerangkan bahawasanya agama Islam tidak terbatas kepada sesuatu kaum sahaja, bahkan merangkumi semua manusia dan jin. Bahkan, Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam merupakan contoh yang terbaik dalam mengaplikasikan konsep Rahmatan Lil 'Alamin sepanjang kehidupan baginda. Sabda Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam : "Sesungguhnya aku diutuskan adalah rahmat buat sekalian alam" (Abu Daud, 2009).

Keluasan rahmah baginda meliputi semua golongan termasuk warga tua, kanak-kanak malahan haiwan. Baginda tidak pernah meremehkan walau satu pun kebaikan. Sebagaimana sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiyallahu Anhu dari baginda Shallallahu Alaihi Wasallam: "Seorang wanita pelacur melihat seekor anjing yang mengelilingi perigi pada hari yang panas terik. Anjing itu menjelirkan lidahnya kerana kehausan. Lalu wanita itu menimba air dari perigi dengan kasutnya, maka dia diampuni" (Al-Hajjaj, 2006). Tidak hairanlah dalam al-Quran diulang-ulang perkataan 'rahmah' sebanyak tiga ratus dua puluh tujuh kali yang membawa pelbagai maksud (Abdul Baqi). Al-Damaghani dalam kitabnya, Qamus al-Qur'an aw Islah al-Wujuh wa al-Nadzairi fi al-Qur'an al-Karim, telah menemukan beberapa makna rahmah yang tersebar dalam Al-Qur'an, antaranya : al-islam (agama Islam), al-jannah (syurga), al-matar (hujan), al-nubuwwah (kenabian), al-ni'mah (kenikmatan), al-rizq (rezeki), al-nasr; al-fath (pertolongan,kemenangan), al-'afiyah (kesihatan), al-mawaddah (kasih sayang), al-iman (keimanan), al-taufiq (petunjuk), 'Isa ibnu Maryam (Nabi 'Isa Putra Maryam) dan Muhammad Saw (Nabi Muhammad Saw) (Ad-Damghani, 1983).

Di Malaysia, konsep Rahmatan Lil 'Alamin menjadi suatu pegangan kerajaan dalam menghadapi masyarakat majmuk di Malaysia. Konsep ini dijadikan panduan bagi Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama) dalam menentukan sesuatu keputusan berkaitan

permasalahan antara agama di Malaysia. Pelbagai program diadakan bagi memahamkan masyarakat tentang konsep ini seperti Jelajah Kampus Rahmatan Lil Alamin yang diadakan di Institut Pengajian Tinggi di seluruh negara (Harian, 2019). Bahkan, konsep itu diperkenalkan ke Kesatuan Eropah (EU) bagi memberi penerangan dengan lebih jelas konsep yang dibawakan pentadbiran Islam di Malaysia (Online, 2019). Walaupun begitu, pelaksanaan konsep yang digunakan itu tidak lari dari kritikan pelbagai pihak. Konsep itu dinilai sebagai menumpukan semata-mata hak orang bukan Islam dan tidak bersikap tegas kepada golongan yang mempersendakan agama. Bahkan, umat Islam seakan-akan terasa dibuli dan tidak selamat dengan sikap orang bukan Islam (Aziz, 2019). Sedangkan, rahmah tidak terbatas dengan kasih sayang sahaja bahkan ketegasan Rasulullah Shallallahu Alaihi Wasallam juga merupakan suatu bentuk rahmah. Dr. Yusuf al-Qardawi (1992) menerangkan bahawa selain daripada pembayaran jizyah dan pematuhan undang-undang, salah satu tanggungjawab non-Muslim (ahl zimmah) yang perlu dipegang adalah menjaga perasaan (sensitiviti) umat Islam. (Al-Qaradhawi, 1992).

2.0 Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah kajian kualitatif melalui kajian kes. Ia dilakukan dengan mengkaji pengaplikasian konsep menjaga masalah agama dalam toleransi beragama oleh Nahdhatul Ulama. Pengkaji memilih Pertubuhan Nahdhatul Ulama di Indonesia sebagai sampel kajian. Hal ini kerana ia merupakan model toleransi beragama di nusantara berdasarkan sejarah dan latar belakang pemimpin dan ahli-ahlinya yang berjaya menyatukan masyarakat berlainan agama di Indonesia. Bagi pengumpulan data, penyelidik melakukan penelitian awal kajian berdasarkan kajian dokumen. Dokumen-dokumen ini merupakan kajian-kajian lepas sama ada dalam bentuk penerbitan buku atau tesis akademik dan juga berita-berita terkini yang dikumpul berkenaan tajuk. Kajian-kajian lepas digunakan untuk meneliti sejarah penubuhan Nahdhatul Ulama dan bagaimana prinsipnya dalam toleransi beragama.

Kemudian, data yang melibatkan sumber sekunder dikumpul, diolahkan, dan dianalisis secara spesifik. Bagi kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah kajian dokumen melalui pembacaan. Kaedah kajian dokumen ini digunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan konsep rahmatan lil alamin berdasarkan al-Quran dan Hadith, sejarah penubuhan Nahdlatul Ulama, dan pemahaman serta pelaksanaan konsep rahmatan lil alamin oleh kementerian agama di Malaysia dan juga persatuan Nahdlatul Ulama Indonesia. Bagi analisis data, penyelidik menggunakan kaedah deskriptif dan deduktif. Metod deskriptif bertujuan untuk memberi deskripsi atau keterangan yang bertujuan untuk menyampaikan gambaran tentang sesuatu perkara. Kaedah ini bertujuan untuk memberi penerangan yang sistematik berkenaan fakta dan ciri-ciri sesuatu perkara. Kaedah deduktif pula ialah berkenaan kesimpulan atau rumusan yang dibuat berdasarkan induktif. Ia bermaksud pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak kepada dalil atau bukti umum terhadap hal-hal yang bersifat khusus.

3.0 Pengenalan Nahdlatul Ulama'

3.1 Sejarah Penubuhan dan Perkembangannya

Penubuhan Nahdhatul Ulama' dalam sejarahnya diawali dengan kemunculan golongan modernis Muslim di Indonesia yang melaungkan slogan "Kembali kepada al-Quran dan Hadith" terutamanya di Jawa dan Sumatera Barat di samping mereka mengkritik dan menyerang golongan muslim tradisional di Indonesia seperti pengamalan qunut, tawassul dan tarekah. Golongan muslim modernis ini menolak amalan agama seperti itu dan menyifatkan sebahagiannya sebagai bid'ah (pembaharuan dalam agama) dan harus ditinggalkan. Sebaliknya, golongan tradisional muslim membantah dan berpendapat bahawa perbuatan mereka bukanlah bid'ah dan tidak bertentangan dengan agama. Perselisihan antara dua golongan ini berterusan hingga mengorbankan tenaga dan masa yang begitu banyak. Hal ini menyebabkan berlakunya perpecahan antara dua puak tersebut (Ismail, 2011).

Bagi menjernihkan keadaan, maka suatu Kongres Islami diadakan pada 3 Oktober hingga 2 November 1922 yang diwakili oleh golongan modernis dan tradisional ini. Golongan tradisional diwakili oleh K.H. Abdul Wahab Hasbullah dan K.H. Asnawi. Walaupun terdapat banyak perbezaan, namun mereka bersepakat bahawa asas agama ini ialah al-Quran dan Hadith, imam-imam pengasas empat mazhab mengistinbatkan hukum setelah mengkaji dengan hati-hati dan kajian yang sempurna terhadap al-Quran dan Hadith, dan rujukan kepada al-Quran dan Hadith sangat penting untuk menerangkan pelbagai disiplin ilmu dalam Islam dan untuk mengkaji buku-buku keagamaan, serta yang terakhir, tafsiran terhadap al-Quran tidak boleh dilakukan sesuka hati sebaliknya memerlukan ilmu alat yang pelbagai. (Noer, 1973) Setelah beberapa kali kongres dan terjadinya perpecahan sesama modernis muslim sendiri, maka tertubuhlah Komite Khalifah yang dipengerusikan oleh Wondoamiseno manakala naib pengerusinya ialah K.H. Abdul Wahab Hasbullah dari golongan tradisional. Komite Khalifah ini ditubuhkan sebagai tindak balas pemimpin-pemimpin Islam Indonesia kepada idea kerajaan Mesir untuk mengadakan Kongres Khalifah pada tahun 1924 bagi menubuhkan pemerintahan khalifah baru. Idea penubuhan khalifah yang baru ini setelah Turki di bawah Mustafa Kamal Atatürk menjatuhkan kesultanan pada tahun 1922, yang membawa Turki menjadi negara moden yang sekular (Kelly, 1981).

Walau bagaimanapun, Kongres Khalifah yang sepatutnya diadakan di Kaherah, Mesir itu ditangguhkan. Oleh itu, Komite Khalifah menumpukan pula perhatian mereka terhadap jemputan Ibn Saud dari Arab Saudi yang juga ingin mengadakan kongres sebagai usaha untuk menubuhkan khalifah yang baru. Pemilihan wakil ke Arab Saudi ini dibincangkan dalam Kongres Islami keempat (21-27 Ogos 1925) dan kelima (6 Februari 1926). Walau bagaimanapun, sebelum Kongres Islami kelima, pemimpin-pemimpin reformis modernis terlebih dahulu mengadakan perjumpaan pada 8-10 Januari 1926 di Cianjur, Jawa Barat, yang seterusnya memilih wakil dari kalangan mereka, Tjokroaminoto dan K.H. Mas Mansur untuk pergi ke kongres yang dijadualkan berlangsung di Mekah itu. Seperti yang dijangka, apabila Kongres Islami kelima diadakan di Bandung, mereka membuat keputusan untuk menghantar Tjokroaminoto dan K.H. Mas Mansur. Keputusan ini membuatkan golongan tradisional terutamanya K.H. Abdul Wahab menjadi sangat tidak berpuas hati. Beliau kemudiannya mengusulkan agar wakil kongres meminta pemimpin Arab supaya mengekalkan ajaran empat mazhab di negara itu sepertimana sebelumnya, tetapi usulnya ditolak. Maka, Abdul Wahab berasa dipinggirkan dari kumpulan itu.

Hal ini membuat K.H. Abdul Wahab bersama tiga orang rakannya menarik diri dari Komite Khalifah setelah dinasihati oleh K.H. Hasyim Asy'ari. K.H. Abdul Wahab Hasbullah kemudiannya mengambil inisiatif untuk mengumpulkan kiyai-kiyai dan ulama' dari sebahagian bandar-bandar di Jawa. Setelah rundingan-rundingan dan persediaan yang panjang, maka mereka bersetuju untuk menubuhkan pertubuhan mereka sendiri yang baharu, iaitu Komite Hijaz. Mereka merancang untuk menghantar wakil mereka sendiri untuk bertemu secara langsung dengan Raja Ibn Saud bagi membincangkan tentang perkara-perkara agama yang dirungsingkan oleh mereka. Untuk merealisasikan keinginan K.H. Abdul Wahab, pada 31 Januari 1926, beliau menjemput ulama'-ulama' terkemuka ke rumahnya di Surabaya bagi membincangkan tentang perkara yang telah diperkatakan mereka ketika perjumpaan-perjumpaan sebelumnya di beberapa bandar di Jawa. Selain dari Abdul Wahab, ulama' yang hadir di perjumpaan tersebut adalah, K.H. Hasyim Asy'ari dari Pesantren Tebuireng (Jombang), K.H. Bisri Syansuri dari Pesantren Tambakberas (Jombang), K.H. Raden Asnawi dari Kudus, Ma'mun dari Lasem, Ridwan dari Surabaya, H. Abdullah Ubaid dari Surabaya, Alwi Abdul Aziz dari Malang, H. Abdul Halim dari Lewimunding (Cirebon), H. Doro Muntaha dari Bangkalan (Madura), Dahlan Abdul Qahar dari Kertosono, dan H. Abdullah Faqih dari Gresik (Aboebakar, 1957).

Hasil dari perjumpaan ini, ulama'-ulama' yang berpengaruh ini telah membuat dua keputusan yang bakal mewarnai lanskap sejarah Islam di Indonesia. Pertama, mereka secara rasminya mengasaskan pertubuhan Komite Hijaz yang akan berakhir tempohnya setelah delegasi Indonesia pulang dari Arab Saudi. Kedua, mereka merasmikan sebuah pertubuhan yang menjadi wadah bagi ulama; untuk memberikan tunjuk ajar kepada komuniti Islam untuk mencapai kemajuan dan kemenangan (Zuhri, 1972). Pertubuhan ini, sepertimana yang dicadangkan oleh KH Abdul Aziz dinamakan sebagai Nahdlatul Ulama' (NU). Oleh itu, NU secara rasminya ditubuhkan pada 31 Januari 1926 di Surabaya, Jawa Timur. KH. Hasyim Asyari menjadi pengerusi manakala KH. Abdul Wahab menjadi setiausaha pertubuhan itu (Aboebakar, 1957). Struktur Organisasi NU terbahagi kepada 2 badan, iaitu Badan Syuriah (Konsultatif) dan Badan Tanfidziyah (Eksekutif). Badan Syuriah terdiri daripada golongan ulama' yang menempati jawatan-jawatan tinggi dalam NU dan bertindak sebagai pengawal, penyelia dan penggubal undang-undang. Manakala badan tanfidziyah menjadi pelaksana aktiviti harian NU berdasarkan polisi yang ditetapkan oleh Badan Syuriah. Selain menjadi pengawal dan penyelia, Badan Syuriah juga menjalankan tugas istimewanya, iaitu mengeluarkan fatwa berdasarkan soalan-soalan agama yang diajukan (Siddiq, 1979).

Matlamat NU sepertimana tercatat dalam Artikel kedua perlembagaannya ialah: " untuk berpegang teguh kepada salah satu mazhab dari 4 mazhab, iaitu mazhab Syafie, Hanafi, Maliki dan Hanbali, dan menjalankan aktiviti yang memberi manfaat kepada Islam." Untuk mencapai matlamat ini, NU telah menjalankan usaha: Menjalinkan hubungan dengan ulamak yang berpegang dengan salah satu dari empat mazhab sepertimana yang termaktub dalam perlembagaannya, memeriksa buku-buku pengajaran agama supaya diketahui sama ada ia ditulis oleh Ahl Sunnah atau Ahli Bid'ah dan mendakwahkan ajaran Islam berdasarkan salah satu dari empat mazhab dengan kaedah yang sesuai. (Salam, 1963) Berikutan dari rancangan pengasas NU untuk menghantar wakil mereka sendiri ke Arab Saudi di bawah persatuan mereka sendiri, maka NU telah menghantar wakilnya KH. Abdul Wahab Hasbullah dan Syaikh Ahmad Ghanaim al-Misri, untuk berjumpa raja baru Arab Saudi pada 13 Jun 1928. Dua delegasi itu, bersama yang lain, meminta supaya Ibn Saud mengekalkan pengajaran dan

pengamalan amalan empat mazhab sepertimana sebelum beliau memerintah. Raja Saudi memberi tindak balas positif dan berjanji untuk menghormati pengamalan dan pengajaran amalan empat mazhab di Masjidil Haram, Mekah, Masjid Nabawi, Madinah dan tempat lain yang berada di bawah penguasaannya (Cholil & Masbuchin, 1967). Raja Saudi bahkan memberi surat kepada NU, agar hasil perbincangan itu diketahui ulama'-ulama' NU lain. Oleh itu, kali ini, NU dikatakan telah berjaya menjalankan misinya.

3.2 Ulama, Pesantren (Pusat Pengajian) dan Perkembangan NU

Nama "Nahdlatul Ulama" merupakan nama yang dipilih oleh para pengasas pertubuhan ini. Mereka memilih nama ini bagi menunjukkan betapa pentingnya dan istimewanya kedudukan ulama' dalam Nahdlatul Ulama'. Sekiranya organisasi lain bergantung kekuatan asasnya pada para pekerja, petani dan pegawai, NU secara optimisnya menentukan penyokong-penyokong utamanya dan kekuatan pusatnya ialah ulama'. Kedudukan ulama' dalam NU adalah berasaskan dua pertimbangan. Pertama, NU sebagai pertubuhan agama semestinya menerbitkan kekuatan asasnya dari figura-figura yang moral, agama dan pengetahuan agamanya terjamin. Kedua, ulama' itu mempunyai penguasaan terhadap santri-santrinya (pelajar) dan bekas pelajarnya yang telah melibatkan diri dalam pelbagai bidang (Geertz, 2009).

Pengaruh ini membolehkan NU menembusi dan mengekalkan akarnya di kawasan pedalaman terutamanya di kawasan pedalaman Jawa, yang merangkumi peratusan yang besar dari penduduk Indonesia. Dalam erti kata lain, NU, dengan ribuan kiyai dan ulama'nya, mendapatkan penyokong-penyokong dari kawasan pedalaman. Perkembangan NU tidak boleh dipisahkan dengan peranan ulama' yang mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam masyarakat Islam. Dalam masa yang singkat, NU telah diterima di Jawa dan beberapa tempat yang lain. Pada 1930, NU mempunyai 6 cawangan di Jawa Barat, 21 cawangan di Jawa Tengah dan 18 cawangan di Jawa Timur. Pada tahun yang sama, cawangan baru ditubuhkan di Banjar, Kalimantan dan ia menjadi cawangan pertama NU di luar tanah Jawa. Pada Kongres Nasional NU di Malang, Jawa Timur, pada 1937, 71 cawangan telah turut serta. Ketika Belanda dikalahkan oleh Jepun pada tahun 1942, NU telah pun mempunyai 120 cawangan yang tersebar di seluruh bahagian di Indonesia (Ansor, 1954).

4.0 Hasil Dapatan

4.1 Tafsiran Toleransi Di Sisi Nahdlatul Ulama

Nahdlatul Ulama telah menjadi penggerak Islam yang bersikap toleransi. Kiyai (Ilmuwan Islam Jawa) dari Nahdlatul Ulama sering mencuba untuk memperkenalkan Islam bersama dengan nilai-nilai yang diajar melalui tradisi masyarakat yang berkembang dalam komuniti selagi mana ia tidak berlawanan dengan ajaran Islam (Margono, 2011). Sebagai sebuah pertubuhan Islam yang berusia, Nahdlatul Ulama telah berhadapan dengan pelbagai cabaran sama ada dari segi kehidupan keagamaan, negara ataupun komuniti. Antara cabarannya ialah bagi mewujudkan masyarakat yang bersikap toleransi antara kaum.

Toleransi di dalam NU dimanifestasikan dalam kelakuan yang inklusif atau holistik terhadap perbezaan pandangan sama ada dari segi agama, sosial mahupun budaya. NU memperkembangkan kelakuan inklusif ini melalui pendidikan Islam bagi menghilangkan pemahaman yang ekstrem terhadap agama dan mengekalkan sifat kebersamaan dalam masyarakat pelbagai kaum (Muqoyyidin, 2013). Misalnya, semasa pemerintahan K.H. Abdurrahman Wahid (Gus Dur), pemimpin NU yang menjadi Presiden Indonesia, beliau membuktikan bahawa warga Indonesia mempunyai tahap toleransi yang tinggi. Gus Dur mengajar sikap keterbukaan, pemikiran holistik dan menekankan pluralism agama yang menjamin toleransi dalam hubungan antara kaum (Barton, 1997).

4.2 Empat Prinsip Dasar Nahdlatul Ulama'

Terdapat empat prinsip yang menjadi pegangan pengikut Nahdlatul Ulama'. Pertama ialah tawassuth dan i'tidal. Tawassuth bermaksud mengambil jalan pertengahan manakala i'tidal bermaksud lurus, berlaku adil, dan tidak berpihak kecuali pada yang benar. Melalui dasar ini, ia bersikap lurus, membangun serta menghindari pandangan yang ekstrem. Prinsip yang kedua ialah tasamuh atau toleransi. Ia bermaksud menghargai perbezaan dan menghormati orang yang berlainan prinsip. Sifat toleransi dalam agama seperti masalah furu' dan khilafiyah, juga toleransi dalam masalah kemasyarakatan dan kebudayaan.

Prinsip yang ketiga ialah tawazun atau seimbang. Ia bermaksud tidak berlebihan dalam hubungan sama ada antara individu, negara atau rakyatnya. Sikap ini juga mengajar keseimbangan dalam berkhidmat kepada Allah, sesama manusia dan kepada diri sendiri. Prinsip yang terakhir ialah Amr Ma'ruf Nahi Munkar. Ini bermaksud sentiasa peka untuk menggalakkan perilaku yang baik dan bermanfaat buat kehidupan. Selain itu, menolak dan mencegah perkara yang boleh menjatuhkan kualiti kehidupan (Hattani, 2014). Berdasarkan keempat-empat prinsip inilah, NU telah mengembangkan ajarannya di samping mendidik masyarakat dalam mewujudkan keamanan dan kesejahteraan terutamanya di Indonesia.

4.3 Pemahaman Konsep Rahmatan Lil Alamin di Malaysia

Semenjak dari pembentukan negara Malaysia, kerajaan persekutuan amat berminat untuk meluaskan dan mengukuhkan program berkaitan hal ehwal Islam. Hal ini selari dengan perlembagaan yang menetapkan agama Islam sebagai agama persekutuan. Oleh itu, bermula dari zaman pemerintahan Perdana Menteri Malaysia yang keempat, pelbagai usaha dijalankan, termasuklah pengasasan pusatpusat kegiatan Islam, Universiti Islam Antarabangsa, Sistem Perbankan Islam, Syarikat Insurans Islamik dan memperkuatkan lagi Bahagian Agama di Jabatan Perdana Menteri (Zamri, 2019). Kerajaan Malaysia yakin bahawasanya, nilai dan kepercayaan orang Islam boleh diamalkan oleh semua rakyat Malaysia sama ada orang Islam atau bukan Islam bagi menjayakan pentadbiran kerajaan. Menurut Perdana Menteri, nilai-nilai yang paling penting untuk ditanam dalam diri orang Islam mahupun bukan Islam ialah kejujuran, tanggungjawab, ketekunan, keikhlasan, disiplin, mengutamakan masyarakat berbanding diri sendiri, sanggup berkorban, tidak tamak, berkelakuan baik dan lain-lain (Zamri, 2019).

Pendekatan Islam menggunakan konsep Rahmatan Lil Alamin baru sahaja diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 2018. Pendekatan yang digunakan sebelum ini termasuklah 'Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam' pada tahun 1980-an diikuti dengan 'Islam Hadhari' pada tahun 2004, seterusnya konsep 'Wasatiyyah' pada pemerintahan Perdana Menteri Malaysia keenam. Pendekatan-pendekatan ini diperkenalkan bagi membangunkan sebahagian besar masyarakat Melayu Muslim di Malaysia untuk menjadi masyarakat yang moden (Zamri, 2019). Menurut Dr. Mujahid Yusof Rawa, faktor penggunaan pendekatan ini ialah kerajaan baru begitu komited untuk memastikan kebebasan, keadilan, kesederhanaan, keamanan dan keharmonian dan juga bagi memperkemas hak asasi manusia di Malaysia. Menurutnya, sebahagian pihak berpendapat bahawa hak asasi manusia merupakan pertimbangan utama bagi setiap penggubalan undang-undang. Manakala, sebahagian pihak yang lain berpendapat agenda hak asasi manusia ini merupakan idea Barat yang akan mengancam nilai dan kepercayaan manusia (Rawa, 2018).

Beliau menegaskan bahawa konsep ini menekankan kepentingan keadilan buat semua pihak, termasuk masyarakat yang berbeza kepercayaan, melalui interaksi dan urusan yang dijalankan oleh masyarakat. Baginya, masyarakat tidak boleh membiarkan promosi terhadap Islam menyebabkan ketidakadilan kepada agama atau kepercayaan lain. Itulah prinsip asas Rahmatan Lil Alamin (Rawa, 2018). Dokumen Malaysia Negara Rahmah yang dikeluarkan oleh JAKIM menjelaskan perkataan rahmah ialah akronim bagi enam teras utama iaitu Ramah, Aman, Harmoni, Mesra, Alami dan Hormat. Teras-teras ini dijelaskan seperti berikut:

- a) Ramah: Mesej yang dibawa oleh pentadbiran bersifat santun, prihatin dan peduli.
- b) Aman: Pentadbiran membawa mesej keadilan, keamanan dan kesejahteraan.
- c) Harmoni: Pentadbiran menghargai kemajmukan, melestarikan hidup dalam kedamaian serta menjaga hubungan antara agama dan kaum.
- d) Mesra: Pentadbiran menyediakan keselesaan perkhidmatan kepada semua lapisan masyarakat, tanpa menyisihkan kelompok minoriti dan boleh berinteraksi dengan semua pihak.
- e) Alami: Membudayakan gaya hidup yang mesra alam, memelihara dan mengamalkan penjimatan elektrik.
- f) Hormat: Pentadbiran yang mempunyai prinsip kemanusiaan, kepelbagaian agama dan membina peribadi yang dihormati dan menghormati sesuai dengan kemuliaan individu. (JAKIM, 2019)

Berdasarkan penjelasan tentang Rahmatan Lil Alamin yang dilaksanakan oleh Kementerian Agama Malaysia, dapat disimpulkan perkara yang ingin ditekankan ialah penerimaan konsep hak asasi manusia di samping memastikan tiada ketidakadilan berlaku dalam mempromosikan agama Islam di kalangan masyarakat majmuk di Malaysia.

4.4 Pemahaman Konsep Rahmatan Lil Alamin di sisi Nahdlatul Ulama

Bagi membincangkan tentang konsep Rahmatan Lil Alamin Nahdlatul Ulama, perlu diketahui berkenaan dasar Islam Nusantara yang dirintis oleh NU. Dasar ini dinamakan sedemikian bermaksud Islam dan ajarannya untuk menyempurnakan dan berdialektika bersama adat, budaya dan peradaban nusantara yang mempunyai nilai-nilai universal bagi martabat kemanusiaan sejati (Munfaridah, 2017). Islam Nusantara merupakan perkembangan model

dakwah yang bersifat kearifan tempatan. Ia diharapkan dapat membangun sisi keilmuan yang bersifat kenusantaraan bagi menjamin kedaulatan budaya dan peradaban bangsa serta untuk menghalang ideologi yang bersifat ekstremisme, materialisme, liberalisme dan lain-lain (Munfaridah, 2017). Dasar ini mengutamakan rahmah (kasih sayang) yang mampu menerima budaya tempatan yang tidak berlawanan dengan ajaran Islam, yang mementingkan dialog dan perbincangan sehingga timbulnya keharmonian antara agama, budaya dan bangsa. Maka Islam Nusantara ini merupakan pemahaman Islam gagasan NU (Munfaridah, 2017).

Selain itu, NU menekankan tiga hubungan iaitu hubungan manusia dengan tuhan, sesama manusia dan alam sekitar. Masyarakat diajak untuk bersatu padu dalam berpegang dengan agama Allah, dan sentiasa menghormati perbezaan yang terjadi. Di samping itu, tidak dibolehkan bagi seseorang menuduh orang lain sebagai kafir, munafiq atau mengejek muslim lain kerana sesuatu perbezaan. Ukhuwah atau persaudaraan Islam diimplementasikan dalam kehidupan bermasyarakat. Kemudian, Rahmatan Lil Alamin dicerminkan melalui kehidupan Rasulullah yang sentiasa berlaku baik kepada manusia tanpa memandang jantina, suku, agama dan bangsa. Hal ini dibuktikan melalui kisah Rasulullah yang berdiri ketika jenazah Yahudi melalui di hadapannya atas dasar kemanusiaan. Sikap inilah yang menggambarkan ukhuwah basyariyyah atau persaudaraan sesama manusia (Mukhri, 2018).

Kesimpulannya, dalam memahami konsep Rahmatan Lil Alamin, NU mementingkan hubungan dengan Allah dan persaudaraan Islam terlebih dahulu sepertimana firman Allah dalam Surah al-Hujurat ayat 10: "Orang-orang beriman itu sesungguhnya bersaudara. Sebab itu damaikanlah (perbaikilah hubungan) antara kedua saudaramu itu dan takutlah terhadap Allah, supaya kamu mendapat rahmat".Kemudian, diikuti persaudaraan sesama insan. Persaudaraan sesama insan ini meliputi semua lapisan masyarakat tanpa mengira agama, bangsa dan negara.

4.5 Perbandingan Pelaksanaan Konsep Rahmatan Lil Alamin oleh NU dan Kementerian Agama Malaysia

Setelah dikaji pemahaman antara kedua-dua pihak, didapati terdapat perbezaan dalam pemahaman konsep Rahmatan Lil Alamin. Perbezaan ini membawa kepada kelainan dari segi pelaksanaan dan pengaplikasian konsep dalam menghadapi isu-isu semasa di era globalisasi ini. Di sini akan disertakan isu-isu yang berkaitan.

4.5.1 Reaksi Kementerian Agama Malaysia Terhadap Golongan LGBT (Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender)

Semenjak awal pemerintahan kerajaan baru, kementerian agama Malaysia telah menunjukkan usaha bagi menekankan keadilan dan hak asasi manusia dengan mengaturkan pertemuan bersama komuniti transgender di negara ini bertujuan untuk menghapuskan diskriminasi bagi golongan tersebut. Dr. Mujahid berkata, beliau mendapat maklumat akan penindasan golongan itu dalam masyarakat. Antara perkara yang dicadangkan pada pertemuan itu termasuk kaedah yang boleh diambil untuk membebaskan komuniti tersebut daripada bebanan

kewangan, memberi tunjuk ajar kepada mereka dan aspek penerimaan masyarakat terhadap komuniti transgender (Noor, 2018).

Menurutnya, pendekatan yang boleh digunakan untuk mendekati golongan ini sama ada 'engagement' (rahmah) atau 'confrontational' (kasar). Justeru, sebagai menteri yang mewakili institusi agama bagi kerajaan persekutuan, beliau memilih pendekatan yang bersifat rahmah. Namun begitu, beliau menegaskan bahawa pendirian kerajaan masih tidak bersetuju dengan kelakuan golongan LGBT tersebut (MyMetro, 2018).

4.5.2 Reaksi NU Indonesia Terhadap Golongan LGBT (Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender)

Dalam berhadapan dengan golongan LGBT ini, wakil Ketua Lembaga Dakwah Nahdlatul Ulama (LDNU), Muhammad Nur Hayid menekankan bahawa, NU tidak menyokong, menyetujui, dan toleransi terhadap komuniti lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) Hal ini kerana, kelakuan tersebut adalah dilarang dalam agama Islam dan akibatnya sangat merosakkan dan menghancurkan jaringan sosial. Apatah lagi, dalam sejarah Islam, Allah mengazab kaum Nabi Luth yang mengamalkan LGBT ini. Bahkan berdasarkan hadith Rasulullah Shallallahu Alaihi Wasallam didapati bahawa perbuatan ini perbuatan terkutuk dan tidak boleh bertoleransi atas nama apa pun. (Syakur, Nur Hayid, 2018)

Walaupun begitu, menurut beliau, kelakuan tersebut harus ditegah bersama-sama dan tidak boleh disertai kekerasan. Sekiranya seseorang melihat wujudnya pesta atau himpunan LGBT, hendaklah dia segera melaporkan kepada pihak polis. Beliau juga mengajak umat Islam memberi kesedaran kepada mereka dengan cara yang baik iaitu melalui hikmah, pengajaran dan debat yang baik (Syakur, 2018)

4.5.3 Reaksi Kementerian Agama Malaysia Terhadap Layanan Muslim Uighur

Bagi melihat dengan lebih dekat isu ini, kerajaan Malaysia telah menghantar wakil ke China bertujuan untuk melihat etnik Uyghur di samping membina jaringan kerjasama global Malaysia-China berkenaan isu keamanan, agama dan osioekonomi pada Jun 2019. Dalam lawatan tersebut, beliau telah dibawa melihat sebuah tempat yang disifatkannya sebagai pusat latihan dan vokasional bagi masyarakat Uyghur. Pusat itu dikatakan tempat untuk menjalankan aktiviti latihan perindustrian dengan pelbagai kemahiran seperti menjahit, kelas perundangan, seni, gubahan bunga dan sebagainya (BERNAMA, 2019).

4.5.4 Reaksi NU Indonesia Terhadap Layanan Muslim Uighur

Berkaitan dengan layanan orang Islam yang ditahan sewenangwenangnya di Uyghur, NU giat mengemas kini maklumat mengenai keadaan Muslim di Uighur melalui laman web rasminya. Hal ini bertujuan memberi kesedaran terhadap umat Islam di Indonesia akan keadaan Muslim di Uighur. Bahkan, Ketua Umum NU, KH. Said Aqil Siroj mendesak Pertubuhan Bangsa-

Bangsa Bersatu (PBB) untuk melakukan penyelidikan berkenaan kekerasan yang dikenakan ke atas Muslim Uighur di Xinjiang, China. NU juga mengancam segala bentuk kekerasan, termasuk kegiatan menyerang pihak yang dianggap berbeza dengan pihak berkuasa. Selain itu, NU meminta pemerintah Indonesia mengambil langkah diplomasi untuk mencipta perdamaian di Xinjiang (Muiz, 2018).

Selain itu, Duta Besar China di Indonesia, Xiao Qian turut hadir ke pejabat NU bagi menerangkan keadaan sebenar di Xinjiang. Qian menjelaskan bahawa semua penduduk Xinjiang memiliki kebebasan beragama. Namun, terdapat puak separatis yang ingin memisahkan Xinjiang dari China dengan menggunakan kekerasan dan keganasan. Oleh itu, China mengadakan program pendidikan dan vokasional hingga mereka berupaya untuk mendapatkan kerja (Muchlishon, 2018). Seterusnya, NU juga menghantar wakilnya ke China untuk melihat dengan lebih jelas keadaan di sana. Walaupun begitu, NU mengaku mereka mempunyai keterbatasan maklumat dan tidak mendapat maklumat langsung dari sumber pertama. Walaupun begitu, NU bersedia menjadi pendamai antara pihak pemerintah dan etnik Uighur sekiranya diperlukan (Muclishon, 2019).


4.5.5 Reaksi Kementerian Agama Malaysia Terhadap Penghinaan Ke Atas Rasulullah Shallallahu Alaihi Wasallam

Berkenaan kes penghinaan ke atas Rasulullah Shallallahu Alaihi Wasallam, kerajaan telah bertindak tegas dengan mendakwa pelaku yang memuat naik karikatur menghina perkahwinan Rasulullah dan Aisyah itu di mahkamah (Bernama, 2019). Suspek yang menghina Nabi tersebut akhirnya dijatuhkan hukuman penjara setelah gagal membayar wang jaminan sebanyak RM20, 000. (BH, 2019).

4.5.6 Reaksi NU Indonesia Terhadap Penghinaan Ke Atas Rasulullah Shallallahu Alaihi Wasallam

Di Indonesia, suspek penghina Nabi Muhammad Shallallahu Alaihi Wasallam di laman sosial ditangkap oleh pihak berkuasa setelah dilaporkan oleh Gerakan Pemuda Anzor yang merupakan cabang dari NU. Mereka telah bekerjasama dengan pihak polis untuk mendapatkan kedudukan sebenar suspek dan seterusnya menangkap suspek tersebut. Pihak Polis kemudian menjalankan tindakan lanjut terhadap suspek yang boleh dipenjarakan sehingga 6 tahun jika didapati bersalah (Nawawi, 2018)

Daripada keseluruhan kajian, reaksi Nahdatul Ulama' dalam mengamalkan konsep rahmatan lil 'alamin dan toleransi beragama adalah dengan menggunakan konsep keutamaan berikut:



Rajah 1: Konsep Rahmatan Lil – ‘Alamin Menurut Nahdhatul Ulama’

Daripada hasil kajian dapat dilihat di rajah 1, bagaimana konsep toleransi beragama yang difahami oleh Nahdhatul Ulama’ Indonesia. Hubungan manusia dengan Tuhan atau Tauhid diletakkan sebagai batu sempadan bagi toleransi antara agama. Sekiranya sempadan ini dilanggar, maka masalah yang lebih utama iaitu menjaga agama diutamakan.

5.0 Kesimpulan

Setelah dilihat konsep Rahmatan Lil Alamin dari sudut Al-Quran dan Hadith, disimpulkan bahawa rahmah yang terbesar ialah keimanan. Oleh kerana itu, tanggungjawab utama orang Islam ialah memelihara keimanan dari dirosakkan oleh orang kafir. Umat Islam juga perlu sentiasa berbuat baik kepada orang bukan Islam sepertimana contoh yang ditunjukkan oleh Rasulullah Shallallahu Alaihi Wasallam. Walaupun begitu, ketegasan perlu ditunjukkan ketika mana agama dihina dan dirosakkan. Kewujudan Pertubuhan Nahdlatu Ulama di Indonesia sememangnya boleh menjadi model ikutan dalam mewujudkan toleransi antara kaum di Malaysia.

Pertubuhan NU sentiasa berusaha memahami budaya masyarakat tempatan namun prinsip utama mereka ialah berpegang kepada aqidah yang benar. Dalam menjelaskan pemahaman terhadap konsep Rahmatan Lil Alamin, Kementerian Agama Malaysia memahaminya berkaitan dengan hak asasi manusia dan menghapuskan ketidakadilan dalam mempromosikan Islam. Manakala Nahdlatul Ulama menekankan hubungan dengan Allah, kemudian hubungan sesama masyarakat Islam diikuti hubungan sesama manusia sepertimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah.

Oleh kerana pemahaman konsep ini yang berbeza, maka pelaksanaan konsep ini juga berlainan. Kementerian Agama Malaysia menggunakan pendekatan berlemah lembut dan mendampingi golongan LGBT dengan mengatas namakan hak asasi manusia manakala NU mengambil pendekatan tiada toleransi terhadap golongan yang mengingkari agama Allah

namun mengutamakan pendekatan dakwah yang bersesuaian seperti contoh tauladan yang baik. Begitu juga dengan beberapa isu yang lain, Kementerian Agama Malaysia didapati menekankan aspek keadilan dan hak asasi manusia manakala NU dilihat sebagai bersungguh-sungguh membela aqidah dan juga umat Islam yang mengalami penderitaan.

6.0 Rujukan

Abdul Baqi, M. (2000). *al-Mu'jam al-Mufahras li al-Fadi alQur'an*. Cairo: Dar Al-Kutub Al-Misriyyah.

Abdullah, L. H. (2009). *Kerangka Asas dalam Pembinaan Hukum Fiqh Masyarakat Bukan Islam Masa Kini*.

Aboebakar. (1957). *Sejarah Hidup K. H. A. Wahid Hasyim dan Karangan Tersiar*. Jakarta: Panitia Buku Peringatan Almarhum K.H.A. Wahid Hasyim.

Abu Daud. (2009). *Sunan Abu Daud*. Dar arRisalah al-Ilmiyah.

Ad-Damghani. (1983). *Qamus al-Qur'an aw Islah al-Wujuh wa alNadzairi fi al-Qur'an al-Karim*. Dar al-'Ilm Lil Malayiin. al-Bukhari, M. b. (2002). *Sahih Bukhari*. Beirut: Dar Ibnu Kathir.

Al-Hajjaj, M. b. (2006). *Sahih Muslim*. Riyadh: Dar Tayyibah.

Al-Jauziy, I. Q. (1998). *Zaadul Ma'ad fi Hadyi Khairil 'Ibad*. Muassasah ar-Risalah.

Al-Qaradhawi. (1992). *Ghayr Al-Muslimin fi Al-Mujtama' alIslami*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Ansor, U. P. (1954). *Kumpulan Anggaran Dasar*. Kudus: Menara.

At-Tabari. (2001). *Tafsir at-Tabari*. Dar Hijr Lit-Taba'ah.

Aziz, T. A. (2019, June 11). *Malaysia Baharu vs Rahmatan Lil Alamin*. Retrieved from Sinar Harian: <https://www.google.com/amp/s/amp.sinarharian.com.my/article/31930/Analisis-Sinar/Malaysia-Baharu-vs-rahmatanlil-alamin>

Azmi, A. S., & Ismail, M. (2018). Konsep Rahmatan Lil Alamin Dalam Hadith: Penerokaan Makna Serta Aplikasi di Malaysia. *Journal of Hadith Studies*.

Bahauddin, N. H. (2019, Februari 22). *Lelaki Hina Nabi Dibebaskan Dengan Jaminan Polis*. Retrieved from MyMetro: <https://www.hmetro.com.my/utama/2019/02/425996/lelahihina-nabi-dibebaskan-dengan-jaminan-polis>

Barton. (1997). Indonesia's Nurcholish Madjid and Abdurrahman Wahid as intellectual ulama:. *Christian-Muslim Relations*.

Bernamea. (2019, March 2). *Kerajaan Bertindak Cepat Mendakwa Pihak Hina Nabi*. Retrieved from Astro Awani : <https://www.google.com/amp/www.astroawani.com/beritamalaysia/kerajaan-bertindak-cepat-dakwa-pihak-hina-nabimujahid-200037%3famp=1>

BERNAMA. (2019, July 2). *Mujahid bawa isu keamanan, halal dan haji ke China pejabat menteri*. Retrieved from Astro Awani: <http://www.astroawani.com/beritamalaysia/mujahid-bawa-isu-keamanan-halal-dan-haji-kechina-pejabat-menteri-211556>

BH. (2019, Februari 28). *Mujahid Anggap Himpunan Pemuda UMNO, Pemuda PAS umpama menunggang Agama*.

Retrieved from Berita Harian:

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/02/536066/mujahid-anggap-himpunan-pemuda-umno-pemuda-pasumpama-menunggang>

BH. (2019, Februari 27). *Warga Emas Hina Nabi Muhammad Kena Penjara*. Retrieved from Berita Harian: <https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/berita/kes/2019/02/535714/warga-emas-hina-nabi-muhammadkena-penjara/amp>

Cholil, M., & Masbuchin. (1967). *Nahdlatul Ulama di TengahTengah Rakyat dan Bangsa Indonesia*. Kebumen: Daya Bakti.

Geertz, C. (2009). *The Javanese Kijaji: The Changing Role of a Cultural Broker*. Cambridge University Press.

Harian, B. (2019, Oktober 2). *Kertas Dasar Rahmatan Lil Alami Sudah Siap - Mujahid*. Retrieved from Berita Harian Online:

<https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/10/613142/kertas-dasar-rahmatan-lilalamin-sudah-siap-mujahid/amp>

Hattani, M. A. (2014). *Khittah dan Khidmah Nahdlatul Ulama'*. Jakarta: Majma' Buhuts An-Nahdliyah.

Hidayatullah, A. H. (2019). TERM RAHMAH DALAM ALQUR'AN (STUDI INTERPRETASI QURAIISH SHIHAB DALAM TAFSIR AL-MISBAH). *Journal of Qur'anic Studies and Interpretation (Tafsir)*.

ibn Zakariya, A. a.-H. (2009). *Maqayis al-Lughah*. Beirut: Dar AlFikri.

Ismail, F. (2011). The Nahdhatul Ulama: Its Early History and Contribution to the Establishment. *Journal of Indonesian Islam*, 247-282.

JAKIM. (2019). *Kenyataan Media YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri Berkenaan Seminar Gagasan Rahmatan Lil Alamin*. Retrieved from JAKIM: <http://www.islam.gov.my/media-jakim/kenyataanmedia/1861-kenyataan-media-yb-menteri-di-jabatanperdana-menteri-berkenaan-seminar-gagasan-rahmatan-lilalamin>

Kathir, I. (1419H). *Tafsir al-Quran al-Adzim*. Beirut: Dar AlKutub Al-Ilmiyyah.

Kelly, M. (1981). *Islam: The Religious and Political Life of a World Community*. New York: Praeger.

Malaysiakini. (2018, August 13). *Bincang jika LGBT mahu ke pangkal jalan, bukan soal hak*. Retrieved from malaysiakini: <https://www.malaysiakini.com/news/438746>

Margono. (2011). KH. Hasyim Asy'ari dan Nahdlatul Ulama: Perkembangan awal dan kontemporer. *Media Akademika*.

Meerangani, K. A. (2016). Isu Semasa Terhadap Hubungan Sosial dengan Non-Muslim Di Malaysia daripada Perspektif Hukum Islam.

Muchlishon. (2018, Disember 24). *Bertamu ke PBNU: Dubes China Jelaskan Persoalan Muslim Uighur*. Retrieved from NU Online: <https://www.nu.or.id/post/read/100728/bertamu-ke-pbnudubes-china-jelaskan-persoalan-muslim-uighur>

Muclishon. (2019, December 31). *Polemik Muslim Uighur di Xinjiang*. Retrieved from NU Online: <https://www.nu.or.id/post/read/115092/kaleidoskop-2019-polemik-muslim-uighur-di-xinjiang>

Muiz. (2018, Disember 20). *PBNU desak PBB selidiki kekerasan di Uighur*. Retrieved from NU Online: <https://www.nu.or.id/post/read/100515/pbnu-desak-pbbselidiki-kekerasan-di-uighur>

Mukhri, M. (2018, Jun 13). *Khutbah Idul Fitri Momentum Menebar Islam Rahmatan Lil Alamin*. Retrieved from Nahdlatul Ulama:

<https://islam.nu.or.id/post/read/91843/khutbah-idul-fitrimomentum-menebar-islam-rahmatan-lil-alamin>

Munfaridah, T. (2017). Islam Nusantara Sebagai Manifestasi Nahdlatul Ulama (NU) Dalam Mewujudkan Perdamaian. *Wahana Akademika*, 19-34.

Muqoyyidin. (2013). Membangun kesadaran inklusif-multikultural untuk deradikalisasi. *Jurnal Pendidikan Islam*.

MyMetro. (2018, August 13). *Mujahid Mohon Maaf*. Retrieved from Harian Metro: <https://www.hmetro.com.my/utama/2018/08/367405/mujahid-mohon-maaf-metrotv>

Nawawi, I. (2018, April 28). *Ansor Apresiasi Langkah Cepat Aparat Tangkap Penghina Nabi Muhammad*. Retrieved from NU Online:

<https://www.nu.or.id/post/read/89517/ansor-apresiasi-langkah-cepat-aparat-tangkap-penghina-nabi-muhammad>

Noer, D. (1973). *The Modernist Muslim Movement in Indonesia 1900–1942*. Singapore: Oxford University Press.

Noor, M. H. (2018, August 10). *Transgender Tidak Harus Ditindas*. Retrieved from Berita Harian Online: [https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/08/4605](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/08/460514/transgender-tidak-harus-ditindas)

14/transgender-tidak-harus-ditindas

Online, B. H. (2019, Oktober 20). *Mujahid perjelas konsep Rahmatan Lil Alamin kepada 13 duta, perwakilan EU*. Retrieved from Berita Harian Online:

<https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/10/619825/mujahid-perjelas-konseprahmatan-lil-alamin-kepada-13-duta-perwakilan/amp>

Post, J. (2020, January 17). *NU cleric meets Pope Francis, talks 'social activism' in Rome to address interfaith conflicts*. Retrieved from Jakarta Post:

<https://www.google.com/amp/s/www.thejakartapost.com/amp/news/2020/01/17/nu-cleric-meets-pope-francis-talksocial-activism-in-rome-to-address-interfaith-conflicts.html>

Rawa, D. M. (2018). High-Level Closed-Door Dialogue on Religion and Human Rights in the New Malaysia. *Islam and Civilisational Renewal 10.1*, 136-139.

Reporters, F. (2019, June 27). *Amnesty joins criticism of Mujahid following visit to Xinjiang camps*. Retrieved from Free Malaysia Today: <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2019/06/27/were-deeply-disappointed-with-mujahids-statementsays-amnesty/>

Salam, S. (1963). *K.H. Hasyim Asy'ari: Ulama Besar Indonesia*. Jakarta: Jaya Murni.

Shihab, M. Q. (2017). *Tafsir al-Misbah*. Lentera Hati.

Siddiq, K. A. (1979). *Khittah Nahdliyyah*. Surabaya : Balai Buku.

Syakur, M. A. (2018, January 24). *NU ajak umat dakwahi LGBT dengan cara yang baik*. Retrieved from Hidayatullah.com: <https://www.hidayatullah.com/berita/nasional/read/2018/01/24/133839/nu-ajak-umat-dakwahi-lgbt-dengan-cara-yangbaik.html>

Syakur, M. A. (2018, Januari 25). *Nur Hayid: NU Tidak Toleransi pada Perilaku LGBT*. Retrieved from Hidayatullah.com: <https://www.hidayatullah.com/berita/nasional/read/2018/01/25/133895/nur-hayid-nu-tidak-toleransi-pada-perilakulgbt.html>

Zakaraya, S. Z. (2019, Februari 27). *Hina Nabi : Lebih 1500 Berkumpul Bantah Buat Laporan*. Retrieved from Sinar Harian:

<https://www.sinarharian.com.my/article/15225/BERITA/Nasional/Hina-Nabi-Lebih-1500-berkumpul-bantah-buatlaporan>

Zamri, A. M. (2019). FROM INCULCATING ISLAMIC VALUES TO 'RAHMAT AN-LIL-ALAMIN': PROMULGATING VARIOUS APPROACHES OF ISLAM IN MALAYSIA. *Journal of Malay Islamic Studies*, 29-48.

Zuhri, K. S. (1972). *K.H. Abdul Wahab Hasbullah: Bapak dan Pendiri Nahdlatul Ulama*. Jakarta: Yamunu.